# Johor cadang kerajaan teruskan Skim Rumah Mesra, PPR

SINAR ONLINE | | 14 Oktober 2019

JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor mencadangkan kerajaan Persekutuan meneruskan Skim Rumah Mesra dan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disewakan.

Exco Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Sr Dzulkefly Ahmad berkata, bagi tujuan itu kerajaan wajar menyalurkan peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Kerajaan Johor mencadangkan supaya peruntukan diberikan kepada KPKT agar dapat meneruskan Skim Rumah Mesra.

"Skim Rumah Mesra ini skim membina rumah atas tanah sendiri atau tanah milik orang lain yang telah mendapat izin pada harga kos yang diberikan diskaun.

"Kita cadangkan teruskan juga pembinaan rumah PPR bagi maksud sewaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas soal pelbagai inisiatif kerajaan dalam Belanjawan 2020 yang diumumkan Kementerian Kewangan, Dzulkefly melahirkan keyakinan rakyat Johor boleh memiliki rumah impian mereka.

"Saya menyambut baik beberapa inisiatif di bawah Strategi 11 berkaitan meningkatkan akses kepada sektor perumahan.

"Saya yakin dan percaya inisiatif ini akan membolehkan rakyat Malaysia khususnya rakyat Johor memiliki rumah impian mereka dan slogan kita 'Satu Keluarga, Satu Kediaman' dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata, Skim Pembiayaan Sewa Untuk memiliki atau 'Rent To Own' (RTO) dengan dana sebanyak RM10 bilion akan dapat mengatasi dua isu besar yang dihadapi oleh pembeli iaitu kesukaran menyediakan bayaran 10 peratus deposit pembelian rumah dan kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan.

Katanya, penyediaan peruntukan RM100 juta bagi penyelenggaraan perumahan awam seperti PPR dan Rumah Sewa Kerajaan satu berita gembira.

"Pengalaman kerajaan Johor hanya 40 hingga 45 peratus sahaja penyewa PPR atau Rumah Sewa Kerajaan yang membayar sewa dan kerajaan Johor terpaksa mengeluarkan peruntukan